

17/11/2000

MT tolak (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini memutuskan untuk terus mengekalkan tempoh pemilihan bagi jawatan MT dan bahagian kepada tiga tahun sekali, bukan mengikut tempoh penggal Dewan Rakyat seperti dicadangkan sebelum ini.

Keputusan itu berikutan cadangan balas pemimpin akar umbi yang kurang memberi sambutan terhadap cadangan melebarkan tempoh itu kepada empat hingga lima tahun.

Bagaimanapun, mesyuarat MT selama kira-kira dua jam yang dipengerusikan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu, membuat cadangan baru supaya tempoh pemilihan peringkat cawangan diadakan tiga tahun sekali berbanding dua tahun sekarang.

"Dengan adanya pindaan ini bermakna kita dapat menyelaraskan pemilihan ketiga-tiga peringkat pada tahun yang sama. Ia juga bermakna pemilihan peringkat cawangan dan bahagian tidak terlalu kerap," kata Abdullah kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Keputusan itu membuktikan Umno, parti terbesar dalam Barisan Nasional (BN) yang mempunyai keanggotaan 2.7 juta, bersedia menerima pandangan ahli akar umbi walaupun cadangan asal itu sudah diperakui MT, dalam mesyuaratnya 30 Oktober lalu.

Abdullah berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kembali dari Brunei malam ini, sudah dimaklumkan mengenai masalah yang timbul dan keputusan yang mungkin dibuat pada mesyuarat MT hari ini.

"Presiden tidak ada masalah langsung dan menyerahkannya kepada MT," katanya ketika ditanya sama ada keputusan itu selari dengan hasrat Presiden parti.

Pelbagai peringkat dalam Umno, terutama pemimpin bahagian selain Pergerakan Pemuda, sebelum ini membantah cadangan untuk melanjutkan tempoh pemilihan jawatan MT itu.

Perhimpunan khas Umno Sabtu ini akan membincangkan beberapa cadangan lain dalam pindaan perlembagaan parti.

Abdullah bagaimanapun berkata, tidak ada cadangan dalam draf pindaan itu berkaitan pemansuhan sistem kuota pencalonan untuk pertandingan pelbagai jawatan tertinggi dalam parti.

"Sebenarnya perkara itu tidak dicadangkan langsung di peringkat MT. Itu adalah pandangan yang ditimbulkan. Mengikut peraturan, cadangan baru itu (sistem kuota) tidak boleh dibawa kerana perhimpunan agung khas (Sabtu ini) hanya untuk membincangkan pindaan yang dibawa oleh MT," katanya.

Mengenai ahli yang masih mahu cadangan pindaan asal mengenai tempoh pemilihan diteruskan, Abdullah berkata:

"Nasihat saya supaya mereka memahami apa yang kita kemukakan hasil daripada perbincangan MT dan jawatankuasa pengurusan setelah mengambil kira pandangan yang diberikan."

(END)